

Gambar hiasan:
**Merosakkan
harta benda juga
dikategorikan
sebagai keganasan
rumah tangga.**

Keganasan Rumah Tangga...

RUMAH tangga ibarat bahtera. Adakalanya tenang, adakala bergelora. Namun, walau sekuat mana sekalipun gelora membadai bahtera rumah tangga anda, itu bukan alasan anda boleh diperkotak-katikkan atau menjadi mangsa keganasan dan tindakan keterlaluan pasangan kelamin masing-masing. Mungkin secara fantasinya kita melihat kejadian ini berlaku sekadar di alam drama yang banyak memaparkan konflik di kalangan keluarga, tetapi secara realitinya kita juga sering mendengar berita keganasan rumah tangga melalui akhbar dan kaca televisyen. Malah, mungkin juga ada di antara kita yang tidak sedar ianya berlaku di dalam keluarga sendiri kerana kurangnya kefahaman, ditambah dengan sikap acuh tak acuh mengenai gejala ini.

Fantasi atau realiti?

Tele Bantuan:
**Pertubuhan Pertolongan Wanita
(WAO) - 03-7956 3488
Teledera - 1-800-883040**

Abuse - wife abuse
p 104 - 105

0000267644 ABU 2009/11

MAJORITINYA kaum wanita yang didera, sama ada penderaan mental ataupun fizikal. Walau bagaimanapun, kaum lelaki tak terkecuali didera oleh kaum wanita, tetapi ianya sekadar kes terpencil yang jarang kita dengar.

Mendatang kecederaan, ugut dan pukul adalah kes yang biasa dikaitkan dengan keganasan rumah tangga. Ia biasanya berlaku berpunca daripada masalah komunikasi, dendam, cemburu, sikap panas baran, tekanan hidup, keceatan ilmu agama, seorang bapa yang tak mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan sebagainya. Itulah tafsiran luar yang sering dibuat. Tetapi, harus diketahui bahawa masalah ini bukan sahaja berkait antara suami dan isteri, bahkan ia melibatkan seluruh anggota keluarga yang tinggal di bawah satu bumbung yang sama.

Memahami keganasan rumah tangga

Sebenarnya keganasan rumah tangga bukan saja melibatkan penderaan fizikal dan mental, tetapi merangkumi penderaan emosi, seksual dan juga spiritual. Keganasan seumpama ini adalah pada dasarnya suatu bentuk penyalahgunaan kuasa yang sering berlaku apabila seorang pasangan, lazimnya lelaki, cuba untuk mengawal atau mendominasi pasangannya.

Selain daripada sentuhan fizikal, antara contoh lain yang boleh dikaitkan dengan keganasan rumah tangga termasuklah meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan sama ada sengaja atau tidak, memaksa atau mengancam melakukan perbuatan berbentuk seksual atau selainnya yang mana mangsa itu berhak untuk tidak melakukannya dan mengkhianati atau merosakkan harta dengan niat akan menyebabkan kesedihan serta menyebabkan kekusaran kepada mangsa.

Manakala penderaan yang berkait dengan emosi dan spiritual pula ialah seperti memutuskan hubungan wanita daripada kawan-kawan atau saudara-maranya, memaki hamun, memalukan wanita tersebut di hadapan kawan-kawannya ataupun menyekat mereka yang lemah daripada menggunakan barangan keperluan seperti telefon atau kereta.

Tetapi, siapa pula yang tergolong sebagai mangsa keganasan rumah tangga? Mengikut sudut perundangan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta), individu-individu yang dilindungi di bawah ini ialah isteri atau suaminya, isteri atau suami de facto, ataupun bekas isteri atau bekas suami. Malah, ia turut merangkumi kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun dan orang dewasa tak berkeupayaan yang tinggal sebagai seorang anggota keluarga. Di bawah akta ini juga, anak lelaki atau anak perempuan dewasa, ibu atau bapa, abang, kakak, adik atau mana-mana saudara lain (mengikut pandangan mahkamah), turut dilindungi.

Mengapa lelaki memukul?

Memang benar, bukan semua lelaki bersifat pendera. Tetapi secara lazimnya yang diketahui umum, lelaki adalah pendera dan wanita serta anak-anak pula yang menjadi mangsa. Lelaki memukul kerana mereka merasakan bahawa mereka mempunyai hak untuk bertindak sedemikian atau berfikir bahawa perasaan mereka adalah lebih utama dari wanita. Mereka membuat pilihan bagaimana mereka harus meluahkan sikap agresif mereka dan ke atas siapa mereka harus berbuat demikian.

Selalunya, lelaki yang memukul isteri tidak akan memukul

bertanggungjawab sepenuhnya atas setiap tindakan yang dilakukan. Lelaki mesti berhenti dari menyalahkan pasangannya, alkohol, dadah atau tekanan yang dihadapi sebagai alasan sikap ganasnya. Untuk itu, seseorang lelaki boleh mendapatkan kaunseling dan mestilah bersetuju untuk menghadiri beberapa sesi.

Jika anda seorang mangsa, apa yang harus dilakukan?

Pernahkah anda merasa ketakutan sehingga tidak mampu berbuat apa-apa? Begitulah perasaan individu yang hidup dalam keganasan. Merasa kaku akibat perasaan takut akan meningkatkan lagi keganasan dan juga kerana survival ekonomi serta tidak mampu menyelesaikan masalah tersebut, bagaimana anda dapat meninggalkan keadaan ini?

Beberapa perkara yang boleh dilakukan ialah buat pelan tindakan apa yang anda akan lakukan dan ke mana anda akan pergi jika anda dalam bahaya. Langkah terbaik ialah menghubungi pihak berwajib. Beritahu anak-anak tentang rancangan anda jika mereka cukup matang untuk memahaminya. Sekiranya mampu, bawa bersama anak-anak anda. Jika terpaksa meninggalkan mereka buat sementara waktu, pastikan mereka boleh bersama anda secepat mungkin.

Bolehkan mangsa penderaan menuntut pampasan?

Di bawah peruntukan undang-undang, mangsa keganasan rumah tangga boleh menuntut pampasan daripada pesalah melalui mahkamah, jika mangsa mengalami kecederaan diri, kerosakan kepada harta, kerugian kewangan, atau mahkamah akan membenarkan tuntutan itu sebagaimana yang difikirkannya adil dan munasabah. Tuntutan pampasan ini dibuat sebagai satu tindakan sivil yang berasingan sungguhpun tindakan jenayah telah diambil terhadap pesalah.

Kesimpulannya, bila situasi ini berlaku, kebanyakan institusi kekeluargaan akan berakhir dengan perceraian. Lantas anak-anak akan jadi mangsa perceraian dan tidak mendapat kasih sayang sepenuhnya dari seorang ayah maupun ibu bila mereka bila keluarga itu berpisah. Malah, ada kes mangsa dera akan mengambil jalan mudah untuk menyelesaikan masalah seperti bunuh diri.

Situasi ini agak membimbangkan sekiranya tidak ada langkah susulan daripada pihak berkaitan untuk menangani masalah ini. Peranan masyarakat juga penting untuk mengelakkan perkara sebegini berlaku.

Keadaan ini mampu diubah jika suami atau isteri mampu memainkan peranan masing-masing dalam mengelak terjadinya keganasan rumah tangga. Suasana tenang dan aman hanya akan lahir jika semua memainkan peranan menghidupkan sebuah keluarga yang harmoni terutama suami sebagai ayah dan pemimpin.

